



# BULETIN CASSIA

## MAJLIS DAERAH KAMPAR



# Tahniah!

# TEMPAT KETIGA

## MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2023





# Perutusan YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KAMPAR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*“Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera”*

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya Buletin Cassia Bil. 2/2023 dapat diterbitkan untuk tatapan semua pembaca. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada sidang redaksi di atas komitmen dan dedikasi yang diberikan sehingga buletin ini dapat dihasilkan. Sekalung tahniah dan terima kasih juga kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan warga MDKpr kerana telah sama-sama mengemblem tenaga dalam menjayakan program pentadbiran dan menjalankan perkhidmatan dengan cemerlang.

Alhamdulillah, sepanjang tahun 2023 pelbagai perancangan dan agenda Majlis dapat dilaksanakan dengan jayanya diiringi dengan pencapaian, penganugerahan dan pengiktirafan yang diterima oleh MDKpr pada tahun 2023. Sememangnya kerjasama dan peranan daripada warga kerja MDKpr dapat menghasilkan sesuatu perkara yang membanggakan dan menaikkan imej Majlis di peringkat Negeri, Kebangsaan mahupun Antarabangsa.

Saya percaya segala perancangan MDKpr pada tahun 2024 dapat dijayakan dengan penuh cemerlang dan mendapat sambutan pengunjung dari luar dan dalam Daerah Kampar. Pengisian program-program berbentuk pelancongan, kemasyarakatan dan lain-lain akan menambah keamatan MDKpr dengan warga daerah selari dengan penganjuran Tahun Melawat Perak 2024.

Akhir kata, semoga tahun 2024 akan melakar lebih banyak kejayaan di peringkat tertinggi dan segala usaha yang akan dilaksanakan dapat mendorong ke arah penambahbaikan Daerah Kampar demi kesejahteraan bersama.

Sekian, Terima kasih.

**AHMAD SUQAIRY BIN ALIAS**

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kampar



*“Terus Melangkah Ke Hadapan”*

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Tn. Ahmad Suqairy bin Alias, PPT, AMP

### PENASIHAT

Pn. Sili Azura binti Hj. Juki, AMP

### KETUA EDITOR

Pn. Khumalzah binti Aziz

## WARTAWAN

1. TPr Muhamad Hisham bin Hashim
2. Rozzila binti Mohamad Som
3. Mohd Salim bin Saleh
4. Nor Syazana binti Amrah@Omrah
5. Mahfuzah binti Mokhtar
6. Norazila binti Ahmad Hamdi
7. Izhah bin Ahmad
8. Hamishah binti Ahamed
9. Hafiza binti Makri

10. Nurul Fahana binti Md Bakri
11. Muhammad Muslihuddin bin Jaafar
12. Muhammad Zulhelmi bin Salji
13. Muhamad Syarafi bin Mohd Said

## MEDIA CASSIA

1. Mohd Syukri bin Wazirudin
2. Alif Syairazi bin Mohd Saplan
3. Faridzul Arif bin Mohd Hashim
4. Mohd Hizam bin Radzuan



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA MAJLIS DAERAH KAMPAR, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH DAN MAJLIS DAERAH TAPAH BAGI OPERASI BERSEPADU HAIWAN MERAYAU.

# MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)

ANTARA MAJLIS DAERAH KAMPAR, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH DAN MAJLIS DAERAH TAPAH BAGI OPERASI BERSEPADU HAIWAN MERAYAU.

**24 Oktober 2023**

**S**atu memorandum persefahaman telah dimeterai antara Majlis Daerah Kampar, Majlis Daerah Batu Gajah dan Majlis Daerah Tapah di Dewan Seminar, Hotel De Cassia, Kampar bagi melaksanakan Operasi Bersepadu Haiwan Merayau antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Memorandum ini membolehkan PBT yang terlibat berkongsi pandangan, tenaga kerja dan perkhidmatan kepakaran dalam mengendalikan isu-isu haiwan merayau dan anjing terbiar. Memorandum ini juga membolehkan anggota penguatkuasa untuk melaksanakan operasi tangkapan haiwan merayau dan anjing terbiar di kawasan PBT yang terlibat.

Memorandum Operasi Bersepadu Haiwan Merayau antara PBT ini telah ditandatangani oleh Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, Yang Dipertua Majlis Kampar, AMP, PPT., Tuan Mohamad Razif bin Ramli, AMP, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah dan Tuan Haji Ahmad Roslan bin Mohamed Nazir, C.A(M), Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah. Majlis ini turut dihadiri bersama Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak dan Puan Mufidah binti Mahfodz, Timbalan Pengerah Kanan, Bahagian Kerajaan Tempatan, SUK Perak bagi menyaksikan majlis tandatangan memorandum tersebut.

Diharapkan dengan terlaksananya memorandum persefahaman ini dapat membantu PBT yang terlibat dalam membanteras dan menangani isu-isu haiwan merayau dan anjing liar.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN TIK TOK KEMERDEKAAN MDKpr SEMPENA BULAN KEBANGSAAN NEGERI PERAK 2023 PERINGKAT MAJLIS DAERAH KAMPAR



# PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN TIK TOK KEMERDEKAAN MDKpr

SEMPENA BULAN KEBANGSAAN NEGERI PERAK 2023  
PERINGKAT MAJLIS DAERAH KAMPAR

24 Oktober 2023

Seusi penyampaian hadiah Pertandingan Tik Tok Kemerdekaan MDKpr sempena Bulan Kebangsaan Negeri Perak 2023 Peringkat Majlis Daerah Kampar telah berlangsung di Pejabat Kompleks Pentadbiran MDKpr.

Pertandingan ini bertemakan patriotisme dan semangat cintakan negara. 3 orang daripada 5 orang pemenang telah hadir untuk menerima hadiah tersebut. Hadiah berupa wang tunai dan sijil penghargaan telah disampaikan oleh Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, AMP, PPT., Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pemenang. Terima kasih atas sokongan yang diberikan.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

MAJLIS MENANDATANGANI SURAT SETUJU TERIMA (SST) BAGI PELAKSANAAN SISTEM LESEN DIGITAL myPATIL



# MAJLIS MENANDATANGANI SURAT SETUJU TERIMA (SST)

BAGI PELAKSANAAN SISTEM LESEN DIGITAL myPATIL

26 Oktober 2023

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan Majlis Menandatangani Surat Setuju Terima (SST) antara MDKpr dan Syarikat Gates IT Solution Sdn. Bhd. bagi Pelaksanaan Sistem Lesen Premis Digital myPATIL.

Pada majlis tersebut Puan Siti Azura binti Haji Juki, Setiausaha MDKpr telah mewakili Yang Dipertua MDKpr menyaksikan majlis yang dihadiri oleh En. Husni bin Ruslai, Ketua Pegawai Eksekutif, En. Norhan bin Manaf, Pengarah Pemasaran dari Gates IT Solution Sdn. Bhd. dan para pegawai MDKpr.

Majlis Daerah Kampar melakar sejarah sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-12 yang menggunakan teknologi lesen premis digital di Negeri Perak. Teknologi lesen premis digital ini telah membawa pendigitalan dalam urusan pelesenan kepada pihak PBT.



Semoga pelaksanaan lesen premis digital ini akan memberi kemudahan dan mempercepatkan proses permohonan pelesenan yang sedia ada.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

PROGRAM HARI KELUARGA MDKpr TAHUN 2023



# PROGRAM HARI KELUARGA MDKpr TAHUN 2023

**28 Oktober 2023 | Sabtu**

**Felda Residence Hot Springs  
Sg. Klah, Sungkai, Perak**

**S**ambutan Hari Keluarga MDKpr telah diadakan dengan jayanya bertempat di Felda Residence Hot Sg. Klah, Sungkai, Perak pada tarikh 28 Oktober 2023.

Ia merupakan satu usaha dan kesungguhan semua lapisan warga MDKpr dengan menekankan konsep kekitaan dalam kalangan kakitangan di semua peringkat. Pelbagai aktiviti telah disusun seperti sukaneka dan cabutan hadiah bertuah dan lain-lain aktiviti bagi memenuhi aktiviti riadah bersama keluarga serta melahirkan semangat kerjasama dalam kalangan warga MDKpr.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, AMP, PPT., Yang Dipertua MDKpr. Turut hadir Puan Siti Azura Binti Hj. Juki, AMP. dan Ahli Majlis MDKpr. Terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen, bantuan dan kerjasama dalam menjayakan Hari Keluarga ini.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

LAWATAN PASUKAN INSPEKTORAT BAGI PENGAUDITAN PENSIJILAN PELAKSANAAN PROGRAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)



# LAWATAN PASUKAN INSPEKTORAT

BAGI PENGAUDITAN PENSIJILAN PELAKSANAAN PROGRAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)



**3 & 4 Oktober 2023**

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menerima kunjungan Pasukan Inspektorat bagi Pengauditan Pensijilan Pelaksanaan Program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang dihadiri oleh Puan Nor Husna binti Idris, Penolong Setiausaha Kerajaan dan Puan Nur Dalila binti Mastor, Penolong Pegawai Penerangan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.



Objektif Pelaksanaan Program EKSA adalah untuk menambahbaik persekitaran tempat kerja yang kondusif bagi meningkatkan kualiti kerja dan produktiviti semua warga kerja MDKpr. Selain itu, ia juga dapat mengurangkan pembaziran sumber, ruang masa dan tenaga serta menambahbaik imej korporat dengan meningkatkan semangat berpasukan bagi mencapai Visi dan Misi EKSA MDKpr.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2023



# MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI

## PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2023

1 November 2023 | Rabu

Dewan Bankuet,  
Bangunan Perak Darul Ridzuan

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah diumumkan sebagai pemenang Tempat Ketiga di HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2023 seperti berikut :



Pencapaian : Tempat Ke-3  
Nama Kumpulan : Merge  
Kategori : Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)  
Tajuk Projek : Prosedur Pengeluaran Bil Air (iSplash @MDKpr)







## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

PENYAMPAIAN SIJIL PELAKSANAAN PROGRAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

# PENYAMPAIAN SIJIL PELAKSANAAN

PROGRAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)



**19 Disember 2023**

Majlis Daerah Kampar telah menerima Sijil Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kategori Cemerlang yang dikeluarkan oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Puan Siti Azura binti Haji Juki, AMP, Setiausaha MDKpr, Puan Nor Syazana binti Amrah@Omrah, Penyelaras EKSA dan Puan Khumaizah binti Aziz, Fasilitator EKSA telah menghadiri Penyampaian Sijil Pelaksanaan Program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Sijil ini telah disampaikan oleh Puan Nor Husna binti Idris, Penolong Setiausaha Kerajaan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Tahniah diucapkan kepada semua warga Majlis Daerah Kampar.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### PELANCONGAN

PROGRAM SEPETANG BERSAMA PENGUSAHA EKO-PELANCONGAN DAERAH KAMPAR 1.0



# Program SEPETANG BERSAMA

PENGUSAHA EKO-PELANCONGAN DAERAH KAMPAR 1.0



### 6 November 2023

**M**ajlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menganjurkan Program Program Sepetang bersama Pengusaha Eko-Pelancongan Daerah Kampar 1.0 di Bagas Zakariah Orchard Lodge, Gopeng.

Program ini merupakan salah satu platform suai kenal antara Pihak Berkuasa Tempatan dan pengusaha eko-pelancongan di samping menentukan hala tuju pelancongan Daerah Kampar bagi tujuan promosi sempena Tahun Melawat Perak 2024

Seramai 50 orang jemputan terdiri daripada pelbagai agensi luar, pengusaha-pengusaha eko-pelancongan Daerah Kampar dan pegawai-pegawai MDKpr terlibat secara langsung berhubung pelaksanaan pemutihan eko-pelancongan Daerah Kampar

Hadir sama, Cik Nurmalis binti Musa selaku Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Perak untuk memeriahkan program ini



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### PELANCONGAN

MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA MOU PELANCONGAN MESRA MUSLIM BANDAR RAYA IPOH



# MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA MOU PELANCONGAN MESRA MUSLIM BANDAR RAYA IPOH

SELASA, 21 NOVEMBER 2023  
HOTEL M ROOF, IPOH

# MAJLIS MAKAN MALAM

SEMPENA MOU PELANCONGAN MESRA MUSLIM BANDAR RAYA IPOH

**21 November 2023**

**M**ajlis Makan Malam sempena Majlis Tandatangani

Persefahaman (MOU) Pelancongan Mesra Muslim Bandar Raya Ipoh telah diadakan di M Roof Hotel, Ipoh.

Tujuan MOU ini diadakan adalah untuk mewujudkan jaringan Pelancongan Mesra Muslim di antara Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Perbandaran Kangar termasuk bandar-bandar di bawah *Greater Ipoh* iaitu Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Majlis Daerah Kampar dan Majlis Daerah Batu Gajah

Jaringan ini juga diperluaskan kepada Banda Aceh di Pulau Sumatra, Indonesia dan Bandaraya Hat Yai di Selatan Thailand. Hadir sama, YB Sandra Ng Shy Ching selaku Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memeriahkan majlis makan malam ini.



# MOU PELANCONGAN MESRA MUSLIM BANDAR RAYA IPOH

SELASA, 21 NOVEMBER 2023  
HOTEL M ROOF, IPOH



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### PELANCONGAN

MAJLIS PENYERAHAN 'BIKERS TRAIL' BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN TAHUN MELAWAT PERAK (TMP) 2024



# Majlis Penyerahan BIKERS TRAIL

BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN TAHUN MELAWAT PERAK (TMP) 2024

13 Disember 2023

**M**ajlis Penyerahan *Bikers Trail* bersempena dengan

Sambutan Tahun Melawat Perak 2024 telah diadakan di Kelapa Leleh Kampor, petang ini bersama tim konvoi bermotosikal daripada *Kampar Bikers Club*.

Majlis penyerahan ini diadakan bertujuan untuk mempromosikan destinasi pelancongan bersempena dengan Sambutan Tahun Melawat Perak 2024 bagi kategori pelancongan gastronomi untuk meningkatkan statistik kedatangan pelancong ke Daerah Kampar selain merancakkan sektor pelancongan bermotosikal ke Daerah Kampar.

Daerah Kampar amat berbesar hati untuk berkolaborasi dengan Tourism Perak dalam penganjuran program dan daya usaha seumpama ini dianggap sebagai peranan inklusif secara meluas antara agensi daerah, terutamanya PBT dengan masyarakat setempat. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Nazrul Fazami bin Mohamad, Pegawai Daerah Kampar dan disokong akrab oleh kehadiran beberapa orang pegawai daripada agensi negeri dan daerah.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### LAWATAN

LAWATAN JABATAN WARISAN NEGARA BAGI PENYELIDIKAN DAN PENDOKUMENTASIAN TERHADAP TAPAK MENARA JAM KEMERDEKAAN KAMPAR

# LAWATAN JABATAN WARISAN NEGARA

BAGI PENYELIDIKAN DAN  
PENDOKUMENTASIAN TERHADAP  
TAPAK MENARA JAM KEMERDEKAAN  
KAMPAR

21 Julai 2023

Jabatan Warisan Negara (JWN) telah menjalankan penyelidikan dan pendokumentasian terhadap tapak Menara Jam Kemerdekaan Kampar yang terletak di persimpangan lampu isyarat Jalan Gopeng dan Jalan Stesen, Kampar.



Sesi penyelidikan ini bertujuan bagi mengangkat tapak Menara Jam ini sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].

Sesi ini telah diketuai oleh Puan Rokiah binti Abdul Samat dan beberapa orang pegawai dari Jabatan Warisan Negara untuk memberi penerangan tentang Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan yang disediakan sebagai panduan untuk pelaksanaan kerja pemulihan bangunan warisan di Malaysia.



Turut hadir bersama ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Perancangan & Pembangunan, Jabatan Kejuruteraan dan Unit Perhubungan Korporat & Pelancongan, Majlis Daerah Kampar.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### LAWATAN

LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS DAERAH KAMPAR KE MAJLIS DAERAH LIPIS, PAHANG



## LAWATAN PENANDAARASAN

# MAJLIS DAERAH KAMPAR KE MAJLIS DAERAH LIPIS, PAHANG

**31 Oktober 2023**

**M**ajlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan Lawatan Penandaarasan ke Majlis Daerah Lipis, Pahang. Lawatan diketuai oleh En. Mohd Izham bin Ahmad, Pegawai Tadbir Jabatan Kesihatan Awam, MDKpr dan anggota-anggota Jabatan Kesihatan Awam dan Jabatan Kejuruteraan, MDKpr.

Delegasi telah disambut oleh Puan Wan Norizan binti Wan Badaruzzaman, Setiausaha MD Lipis bersama para pegawai dan anggota.

Objektif lawatan ini bertujuan mempelajari dan melihat rekabentuk Pasar Awam Bunga Cengkih dan Pusat Sembelih Ayam dan Unggas yang dibina di MD Lipis mengikut Garis Panduan Pasar Sejahtera di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

Taklimat telah disampaikan oleh Puan Saharini binti Omar, Ketua Jabatan Kejuruteraan MD Lipis dan PPKP Fathin Nor Syafiqah binti Muhamad Ruhaidir, Unit Kesihatan Awam dan rombongan dibawa melawat ke pusat penyembelihan ayam.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### LAWATAN

LAWATAN PENILAIAN TEMPAT KERJA STAF OKU OLEH PANEL PERKESO NEGERI PERAK



## LAWATAN PENILAIAN

# TEMPAT KERJA STAF OKU OLEH PANEL PERKESO NEGERI PERAK

**1 November 2023**

Pihak PERKESO Cawangan Ipoh telah mengadakan lawatan penilaian tempat kerja bagi anggota Majlis Daerah Kampar (MDKpr) yang mengalami hilangupaya akibat kemalangan dan menyertai Program *Return To Work* (RTW) PERKESO.

Sesi lawatan yang dijalankan oleh En. Mohamad Nur Imran bin Ahmad Soki, Pengurus Kes (RTW) PERKESO telah melawat tempat kerja, laluan bekerja, kemudahan tandas, tempat meletak kenderaan dan kemudahan lain untuk mengetahui status dan skop pekerjaan anggota hilang upaya kekal yang kembali bertugas.

Diharapkan dengan kerjasama antara pihak Majlis dan PERKESO dapat membantu anggota hilangupaya kekal menjalani proses pemulihan fizikal dan seterusnya kembali semula bekerja.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### LAWATAN

LAWATAN PENANDAARASAN JABATAN KERJA RAYA PERAK TENGAH KE MAJLIS DAERAH KAMPAR



## LAWATAN PENANDAARASAN

# JABATAN KERJA RAYA PERAK TENGAH KE MAJLIS DAERAH KAMPAR

**28 November 2023 | Selasa**

**L**awatan Penandaarasan Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak Tengah ke Majlis Daerah Daerah Kampar (MDKpr) yang diketuai oleh Pn Khairunisa binti Abd Shani, Jurutera Jalan bersama semua Biro JKKP JKR Perak Tengah telah disambut dengan barisan Biro JKKP MDKpr.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mempelajari dan mengetahui lebih lanjut tentang Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), Amalan Terbaik KKP dan Dokumentasi Anugerah MSOSH yang diamalkan oleh MDKpr.

Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohd Izham bin Ahmad, Setiausaha JKKP MDKpr berkaitan Pengurusan KKP, Pensijilan ISO 45001:2018, Audit MSOSH dan program-program KKP yang dijalankan.



Semoga perkongsian ilmu dan pengalaman berkaitan Pengurusan KKP ini dapat membantu kedua-dua agensi kerajaan ini untuk terus berjaya dan mengamalkan segala aspek KKP di tempat kerja.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### LAWATAN

LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS DAERAH KAMPAR KE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



## LAWATAN PENANDAARASAN

# MAJLIS DAERAH KAMPAR KE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**7 Disember 2023**

**M**ajlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan Lawatan Penandaarasan ke Universiti Putra Malaysia (UPM). Lawatan diketuai oleh Puan Siti Azura binti Haji Juki, Setiausaha, MDKpr dan pegawai serta ahli kumpulan inovasi MDKpr daripada Bahagian Landskap.



Delegasi telah disambut oleh Prof. Dr. Azlizam bin Aziz, Pengurus Besar UPM Holdings Sdn. Bhd. bersama para pegawai dan anggota pengajar UPM.

Objektif lawatan ini adalah bertujuan untuk perkongsian ilmu dan khidmat nasihat daripada ilmuan yang berkepakaran dalam bidang landskap dan pertanian. Perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Tan Geok Hun daripada Fakulti Pertanian UPM.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### PERHIMPUNAN ANGGOTA

PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 6/2023 MAJLIS DAERAH KAMPAR

# PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 6/2023 MAJLIS DAERAH KAMPAR



**12 Disember | 2.30 petang**  
**Auditorium Majlis Daerah Kampar**

**P**erhimpunan Bulanan Bil. 6/2023 telah diadakan dengan jayanya dengan kehadiran pegawai dan anggota. Ucapan akhir tahun telah disampaikan oleh Tuan Ahmad Suqairy bin Alias, AMP, PPT, Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar.

Beliau berharap pencapaian Tahun 2023 diteruskan pada tahun akan datang dengan semangat dan iltizam yang baru demi ke arah organisasi yang cemerlang.

## RINGKASAN PROGRAM MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SUKAN ANTARA JABATAN

### 1. Tenpin Bowling

- Johan : Arcturus
- Naib Johan : Canopus
- Ketiga : Sirius

### 5. E-Sport

- Johan : Canopus
- Naib Johan : Sirius
- Ketiga : Arcturus

### 2. Ping Pong

- Johan : Arcturus
- Naib Johan : Vega
- Ketiga : Sirius

### 6. Karom

- Johan : Vega
- Naib Johan : Sirius
- Ketiga : Arcturus

### 3. Takraw

- Johan : Arcturus
- Naib Johan : Canopus
- Ketiga : Centauri

### 8. Dart

- Johan : Arcturus
- Naib Johan : Canopus
- Ketiga : Centauri

### 4. Futsal

- Johan : Arcturus
- Naib Johan : Vega
- Ketiga : Canopus

### 7. Badminton

- Johan : Canopus
- Naib Johan : Vega
- Ketiga : Sirius

Johan Keseluruhan :  
 Arcturus

### Senarai Penerima Anugerah Pengiktirafan :



### MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SELAMA WATER RAFTING

Tempat Pertama Kategori Tertutup Negeri Perak



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### PERHIMPUNAN ANGGOTA

PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 6/2023 MAJLIS DAERAH KAMPAR



#### PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PROGRAM BEYOUTIFUL@KAMPAR KOMEN DAN MENANG

- **JOHAN** Siti Rohayu binti Abdul Aziz
- **NAIB JOHAN** Siti Nursyuhada binti Junid  
Nik Nur Syukrina binti Abdullah
- **KETIGA** Rusyati binti Masri  
Noor Hayati binti Zulkifli



#### c. Anugerah Jawatankuasa Penduduk / Taman Perumahan/ Komuniti

- **Komuniti HELWA Kg. Tersusun Batu Putih, Kampar**  
Penghargaan kepada komuniti atas dasar penglibatan yang aktif dalam program kejurangan hijau di peringkat komuniti dan telah memenangi Anugerah Kejurangan Hijau di peringkat kebangsaan sebanyak 3 kali berturut-turut pada tahun 2020 - 2023.

## MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PENGIKTIRAFAN

Penyampaian Anugerah Pengiktirafan kepada individu/ agensi/ komuniti yang telah memberikan sumbangan kepada warga Daerah Kampar khususnya. Majlis Daerah Kampar mengucapkan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan tanpa mengenal penat lelah.

Penyampaian ini terbahagi kepada 4 kategori iaitu Individu, NGO/ Swasta (CSR), Anugerah Jawatankuasa Penduduk/ Taman Perumahan/ Komuniti dan Jabatan/ Agensi Kerajaan.



#### a. Anugerah Pengiktirafan Individu

- **En. Wan Lee Choy (Pekan Kampar)**
- **En. Asmi bin Aminudin (Batu Putih)**

Penghargaan kepada mereka atas jasa pembersihan yang dilakukan setiap hari di Pekan Kampar dan Batu Putih secara sukarela.



#### b. Anugerah NGO/ Swasta (CSR)

- **Pertubuhan Buddha Tzu Chi**
- **Puncak Emas Infra Sdn Bhd**
- **Pusat Jagaan Bengkel Jaya Diri Kampar**
- **Kilang Ubat Nyamuk Mambang Diawan**
- **Kilang Ngan Yin Mambang Diawan**
- **EDSHA Solutions Sdn. Bhd**
- **Kedai Bahan Pencuci Ginly**

Penghargaan disampaikan atas dasar Pertubuhan aktif dalam program bersama komuniti di Daerah Kampar sejak tahun 2017.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KELAB SUKAN MDKpr



# MENYERTAI KAROM PIALA DATUK BANDAR IPOH

8 Julai 2023

## SUKAN ANTARA JABATAN UNTUK AHLI

16 Julai 2023  
Dewan Bandaran Kampar.

16 JULAI  
2023  
AHAD

# KAROM

SUKAN ANTARA JABATAN MDKPR

DEWAN BANDARAN KAMPAR  
BERMULA JAM 9.00 PAGI

PERTANYAAN & PENDAFTARAN :  
RADZI 017 5035002  
HAIROOL 016 5663470

ANJURAN KELAB SUKAN MDKPR

## PERTANDINGAN MEMANCING KELAB SUKAN MDKpr 2023

30 Julai 2023  
Kolam Pancing Jalan Kampar - Temoh

Pertandingan Memancing Kelab Sukan Mdkpr 2023 telah berlangsung pada 30 Julai 2023. di Kolam Pancing Jalan Kampar - Temoh. Pertandingan ini adalah merupakan salah satu acara tahunan yang diadakan sebagai pengisian aktiviti ahli.

Keputusan memancing dimenangi oleh Mohd Ibrahim (Johan), Mohamad Farid Bin Mohamad Hanifah (Naib Johan) dan Mohamad Khairul Nidzam B Zamzuri.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KELAB SUKAN MDKpr



# PERLAWANAN PERSAHABATAN DART DAN KAROM

## DI ANTARA AHLI KELAB SUKAN DAN KAKITANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH PERAK TENGAH

2 Ogos 2023

Dewan Bandaran Kampar

Perlakuan persahabatan Dart dan Karom di antara ahli Kelab Sukan dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah pada 2 Ogos 2023 di Dewan Bandaran Kampar. Merupakan salah satu aktiviti untuk mengeratkan silaturahim antara penjawat awam.



# PERLAWANAN BADMINTON BERPASUKAN

13 Ogos 2023

Kampar Sentral Sport Centre



# AKTIVITI MENGECAT PONDOK JAGA MAJLIS DAERAH KAMPAR

SEMPENA GOTONG ROYONG PERDANA EKSA

2 Oktober 2023

Pondok Jaga MDKpr

Kelab Sukan telah membuat aktiviti mengecat pondok jaga pada 2 Oktober 2023. Aktiviti ini salah satu program EKSA. Kerja-kerja mengecat serta pembersihan di kawasan luar pejabat adalah dibawah Kelab Sukan MDKpr.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KELAB SUKAN MDKpr



# HARI SUKAN NEGARA

13 Oktober 2023  
Dewan Bandaran Kampar

Sempena sukan negara jatuh pada 14 Oktober 2023 Kelab Sukan MDKpr telah menyambut awal sehari. Penglibatan kakitangan amat baik. Pelbagai acara seperti senam robik, game indoor (congkak, dart dan karam) mendapat sambutan yang begitu baik daripada ahli-ahli kelab sukan.

Program ini telah dirasmikan oleh Setiausaha Majlis Daerah Kampar iaitu Puan Siti Azura Binti Hj. Juki melalui gimik permainan congkak, karam dan dart.



### Pemenang Tempat Pertama hingga Ketiga (Kategori Karam)



### Pemenang Tempat Pertama hingga Ketiga (Kategori Congkak)



### Pemenang Tempat Pertama hingga Ketiga (Kategori Dart)





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KELAB SUKAN MDKpr



# PERTANDINGAN TARIK TALI

SEMPENA HARI SUKAN NEGARA MAJLIS DAERAH KAMPAR

**14 Oktober, Sabtu**  
**Kompleks Rakan Muda Kampar**

Sempena sambutan Hari Sukan Negara pada 14 Oktober 2023, Sabtu di kompleks Rakan Muda Kampar, MDKpr telah menghantar satu pasukan tarik tali untuk menyertai acara tersebut. Pasukan Majlis yang diletakkan dalam Kumpulan A bersama pasukan RELA, PDRM dan BOMBA.

Keputusan akhir Majlis berjaya memenangi pertandingan tersebut sekaligus Johan dalam acara tarik tali.

### KEPUTUSAN PERLAWANAN TARIK TALI SEMPENA HARI SUKAN NEGARA MDKpr TAHUN 2023

#### PERINGKAT KUMPULAN

MDKpr **2** VS **0** RELA

MDKpr **2** VS **1** PDRM

#### SEPARUH AKHIR

MDKpr **2** VS **0** BOMBA

*(Menang tanpa bertanding)*

#### AKHIR

MDKpr **2** VS **0** PDRM





# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KELAB SUKAN MDKpr



# KEPUTUSAN PERLAWANAN LIGA BOWLING TNB PERAK 2023

14 Oktober, Sabtu  
 Kompleks Rakan Muda Kampar

Berakhirnya sudah Liga Bowling TNB Perak 2023 yang berlangsung selama 22 minggu. Pasukan MD Kampar telah berjaya menghabiskan liga pada kedudukan tempat ke-5 secara berpasukan.

Selain itu, keputusan bagi acara master individu & VIP adalah seperti berikut:

**MASTER INDIVIDU**

- 1. Faiz - Tempat ke-4/36
- 2. Azura - Tempat ke-8/36
- 3. Adhar - Tempat ke-12/36
- 4. Hizam - Tempat ke-21/36

**KATEGORI VIP**

- 1. Hisham Tempat ke-2/15

No	NO	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
1	1	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
2	2	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
3	3	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
4	4	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
5	5	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
6	6	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
7	7	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
8	8	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
9	9	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
10	10	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
11	11	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
12	12	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
13	13	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
14	14	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
15	15	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
16	16	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
17	17	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
18	18	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
19	19	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
20	20	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
21	21	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
22	22	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF

**LIGA TNB NEGERI PERAK**

KEPUTUSAN MINGGU KE-22/23

NO	NO	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
1	1	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
2	2	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
3	3	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
4	4	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
5	5	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
6	6	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
7	7	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
8	8	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
9	9	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
10	10	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
11	11	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
12	12	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
13	13	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
14	14	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
15	15	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
16	16	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
17	17	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
18	18	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
19	19	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
20	20	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
21	21	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF
22	22	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF	SAHAJAH	WAKAF







## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KELAB SUKAN MDKpr



# SELAMA RAFTING CHALLENGE '23



3, 4 Dan 5 November 2023  
Hub Ekopelancongan Ulu Selama

**K**elab Sukan Majlis Daerah Kampar telah menghantar satu team water rafting ke satu pertandingan *Selama Rafting Challenge '23* di selama pada 3,4 dan 5 November 2023. Team MDKpr telah memasuki perlawanan kategori tertutup Perak,

Perlawanan telah dijalankan pada hari Sabtu di sebelah petang. Hasil dari perlawanan tersebut team Majlis Daerah Kampar telah mendapat Johan di kategori tersebut dengan catatan masa 0:27:46 minit, dapat mengalahkan 11 pasukan bertanding.



Dari kemenangan tersebut pasukan MDKpr telah layak masuk ke satu perlawanan juara antara juara yang terdiri dari ahli satu pasukan undangan dari Indonesia Sumatera Utara. Dalam perlawanan tersebut pasukan MDKpr kurang bernasib baik kerana tidak berjaya menempatkan pasukan dikedudukan terbaik.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KELAB SUKAN MDKpr



# KEJOHANAN BOLASEPAK

## PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MALA) 2023

KEJOHANAN BOLASEPAK  
PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
MALAYSIA (MALA) 2023

@Majung

KUMPULAN E  
Padang Stadium Air Itam

17 NOV 0300PAG		LWN	
	MD KAMPAR		MB PETALING JAYA
17 NOV 510PTG		LWN	
	MD KAMPAR		MP BUNGLIN
18 NOV 105PAG		LWN	
	MD KAMPAR		MP PERERANG





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

BADAN KEBAJIKAN (BAKEB)



# Program IBADAH KORBAN MDKpr 2023

30 Jun 2023 , Jumaat  
Tempat Letak Kenderaan Di Belakang  
Kompleks Pentadbiran MDKpr



Program Ibadah Korban telah berlangsung pada 30 Jun 2023, Jumaat di Tempat Letak Kenderaan di Belakang Kompleks Pentadbiran MDKpr. Seramai 7 orang kakitangan MDKpr yang terlibat dalam ibadah korban dan daging korban diagihkan kepada golongan yang layak



7 September 2023 , Khamis  
Masjid An Nur Kampar

Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Daerah Kampar 1445/2023 telah berlangsung pada Khamis, 7 September 2023. Beberapa orang wakil BAKEB telah mewakili Majlis Daerah Kampar ke sambutan Maal Hijrah Peringkat Daerah Kampar.

*Majlis Sambutan*

# MAAL HIJRAH

PERINGKAT  
DAERAH KAMPAR  
1445H/2023M

Ceramah juga turut diadakan semasa sambutan tersebut. Ceramah disampaikan oleh A.F. Dr Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir dari Majlis Agama Islam Perak.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

BADAN KEBAJIKAN (BAKEB)



*Program Ceramah*

# MAULIDUR RASUL

*'Rasulullah Ikon Kehidupan Berkualiti'*

25 Oktober 2023, Rabu  
Auditorium Majlis Daerah Kampar

Program Ceramah Maulidur Rasul telah berlangsung pada 25 Oktober 2023 hari Rabu bertempat di Auditorium MDKpr. Tajuk ceramah iaitu 'Rasulullah Ikon Kehidupan Berkualiti'

Ceramah Maulidur Rasul disampaikan oleh A.F Ustaz Amar Arif bin Ahmad yang merupakan guru agama dakwah JAIPK. Seramai 80 orang staf MDKpr yang hadir dalam ceramah tersebut.



## SUMBANGAN TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN

1 November 2023, Rabu  
Majlis Daerah Kampar

Majlis Daerah Kampar telah melancarkan Tabung Kemanusiaan Palestin pada 1 November 2023, Rabu.

Tabung untuk kutipan telah diletakkan di kaunter pertanyaan Majlis Daerah Kampar dan telah disalurkan kepada Bendahari Negeri Perak.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

BADAN KEBAJIKAN (BAKEB)



# PENYERAHAN SUMBANGAN DEEPAVALI

8 November 2023 , Rabu  
Lobi Majlis Daerah Kampar

**S**eramai 15 orang kakitangan MDKpr yang akan menyambut Deepavali menerima sumbangan

makanan daripada BAKEB. Penyerahan sumbangan tersebut telah diberi oleh YDP kepada kakitangan yang terlibat.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

BADAN KEBAJIKAN (BAKEB)



# PENYERAHAN KERUSI RODA

12 Disember 2023 , Selasa  
Majlis Daerah Kampar

**K**erusi roda telah diserahkan kepada Puan Zaipon untuk kegunaan suaminya yang terlibat dengan kemalangan jalanraya.



# SUMBANGAN KEBAJIKAN UNTUK ENCIK BATHMA

12 Disember 2023 , Selasa  
Majlis Daerah Kampar

**S**umbangan telah dikutip untuk membantu Encik Bathma yang sedang menjalankan rawatan di hospital disebabkan masalah jantung tersumbat.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### LOCAL AGENDA 21

#### PROGRAM MURAL LOVE MY SCHOOL



# PROGRAM MURAL LOVE MY SCHOOL

25 Ogos 2023 , Jumaat

**M**ajlis Daerah Kampar telah bekerjasama dalam Program Mural

LOVE MY SCHOOL SK Methodist (ACS) Kampar yang turut melibatkan Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Selatan, Tourism Perak, UTAR Kampar dan Hume Cement Sdn. Bhd.

Program kerjasama bersama rakan-rakan strategik ini merupakan satu kempen kesedaran penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar serta mempromosikan Tahun Melawat Perak (TMP) 2024. Ianya juga merupakan usaha-usaha mempromosikan pelancongan di Daerah Kampar secara berterusan.



Pihak Majlis mengalu-alukan program seumpama ini untuk pengindahan dan keceriaan bersama.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### LOCAL AGENDA 21

PROGRAM MAJLIS DAERAH KONGSI PROJEK REZEKI (MD@KPR)



# PROGRAM MAJLIS DAERAH KONGSI PROJEK REZEKI (MD@KPR)

**26 September 2023 , Selasa  
Majlis Daerah Kampar**

**P**rogram Majlis Daerah Kongsi Projek Rezeki (MD@Kpr) ini telah dilancarkan

secara rasmi pada pagi ini oleh Puan Siti Azura binti Haji Juki, Setiausaha MDKpr. Turut hadir bersama ialah Ahli-ahli Majlis, Ketua Jabatan dan Yang Dipertua BAKEB MDKpr.

Program ini bertujuan untuk membantu anggota MDKpr dan orang awam yang memerlukan bantuan bekalan makanan dalam meneruskan kelangsungan hidup pada waktu ini.

Pelanggan yang berurusan di MDKpr adalah dialukan untuk mengambil barangan keperluan ini secara PERCUMA.



Pihak Majlis juga menerima mana-mana sumbangan daripada orang awam sekitar Daerah Kampar yang ingin turut serta memeriahkan program ini,

Semoga setiap sumbangan dapat membantu meringankan beban penerima yang memerlukan.







## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### LOCAL AGENDA 21

#### PROGRAM CAR BOOT SALES



# PROGRAM CAR BOOT SALES

**30 September , Sabtu**  
**Dataran Tapak Bazar**  
**Ramadan Gopeng**

**P**rogram *Car Boot Sales* bertempat di Dataran Tapak Bazar Ramadan Gopeng

(hadapan Dewan Bandaran Gopeng) mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari penduduk Gopeng dan sekitarnya. Pelbagai jenis jualan niaga yang terdapat di sana, antaranya :

- Makanan
- Pakaian
- Hiasan Rumah
- Bahan Pencuci
- Kraf tangan
- Dan pelbagai jualan lain

Dengan sambutan yang sangat menggalakkan ini, insyallah pihak penganjur bercadang untuk mengadakan program seumpamanya di masa akan datang.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### LOCAL AGENDA 21

PROGRAM KITAR SEMULA DENGAN TUKAR BARANGAN KEPERLUAN HARIAN

# PROGRAM KITAR SEMULA

## DENGAN TUKAR BARANGAN KEPERLUAN HARIAN



**30 September 2023**

**Dataran Tapak Bazar  
Ramadan Gopeng**

**M**ajlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menganjurkan Program Kitar Semula

dengan Tukar Barangan Keperluan Harian sempena Program *Car Boot Sales* bertempat di Dataran Bazar Ramadan Gopeng (hadapan Dewan Bandaran Gopeng).

Sambutan dari penduduk setempat sangat menggalakkan sepanjang program pada kali ini dengan jumlah kutipan barang kitar semula yang diterima sebanyak:

Barangan Kitar Semula : 115 kg  
Minyak Masak Terpakai : 45 kg  
Barangan ewaste : hampir 250 unit

MDKpr menyeru semua penduduk Kampar supaya sentiasa mengamalkan amalan kitar semula di rumah masing-masing bagi melestarikan alam sekitar.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KURSUS

TAKLIMAT DAN UJIAN BAGI PERALATAN RESPIRATOR DAN EAR MUFF



# TAKLIMAT DAN UJIAN BAGI PERALATAN RESPIRATOR DAN EAR MUFF

| 26 Oktober 2023

**M**ajlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan sesi Taklimat dan Ujian

Peralatan PPE Respirator dan Ear Muff kepada anggota MDKpr. Taklimat telah disampaikan oleh En. Marcus Khor, Pegawai Pemasaran dari Syarikat AM Sales & Marketing Sdn. Bhd. kepada anggota Majlis yang terlibat dengan tugas memotong rumput, cantasan pokok, meracun dan bancuhan bahan kimia.

Fit Test telah dijalankan kepada anggota yang memakai peralatan respirator untuk aktiviti fogging dan meracun. Penerangan taklimat ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan menanam kesedaran kepada anggota Majlis supaya memakai peralatan PPE ketika melakukan aktiviti yang terdedah kepada bahan kimia dan bunyi bising



Setiap anggota MDKpr ini juga dihantar menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan di Klinik Kesihatan (Kesihatan Pekerja) Greentown, Ipoh untuk memastikan mereka berada dalam keadaan sihat dan selamat.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KURSUS

KURSUS PENYELENGGARAAN DAN KESELAMATAN PENGENDALIAN SKYLIFT



# KURSUS PENYELENGGARAAN DAN KESELAMATAN PENGENDALIAN SKYLIFT

30-31 Oktober 2023  
Hotel De Cassia, Kampar

**B**erempat di Hotel De Cassia, Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dengan

kerjasama Akademi Binaan Malaysia Cawangan Utara telah mengadakan Kursus Penyelenggaraan dan Keselamatan Pengendalian *Skylift* kepada anggota-anggota yang terlibat dengan pengendalian *skylift* di tempat kerja.

Kursus selama 2 hari ini turut disertai oleh peserta dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak yang lain. Peserta kursus telah diajar pengetahuan berkaitan penyelenggaraan dan pengendalian selamat *skylift* dan sesi ujian secara praktikal telah dijalankan dalam kursus tersebut

Dengan pendedahan yang diberikan ini diharapkan semua peserta kursus dapat mengamal dan mematuhi kehendak keselamatan ketika mengendalikan *skylift*.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KURSUS

KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN BIL. 1/2023 TAHUN 2023 MDKpr



# KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN BIL. 1/2023 TAHUN 2023 MDKpr

17 – 19 November 2023  
Selama Inn, Selama, Perak



**M**ajlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan Kursus Pengukuhan Pasukan Bil. 1/2023 bertempat di Selama Inn, Selama Perak.

Objektif kursus utama adalah untuk mempertingkatkan persefahaman dan sikap saling menghormati, setia kawan, memahami peranan dan nilai kepimpinan dalam pasukan untuk mencapai kecemerlangan organisasi.

Selain itu, ia juga membina komunikasi berkesan di kalangan peserta. Seramai 44 orang peserta telah menghadiri kursus terdiri daripada anggota di pejabat dan lapangan. Pelbagai aktiviti disusun bagi pengisian selama 3 hari 2 malam. Antaranya adalah Sukaneka Rakyat, Sesi *Ice Breaking*, *White Water Rafting*, *Combat Archery* dan Mendaki Lata Puteh.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pihak urus setia Majlis Daerah Selama yang telah mengendalikan kursus ini. Semoga semangat kerjasama yang tinggi, bersatu padu dan bersefahaman dapat diteruskan dan membantu dalam menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang untuk MDKpr.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KURSUS  
KURSUS IMEJ KETERAMPILAN PROFESIONAL



# KURSUS IMEJ KETERAMPILAN PROFESIONAL

20 November 2023  
Dewan Seminar, Hotel De Cassia

**M**ajlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengadakan Kursus Imej Keterampilan Profesional pada 20 November 2023 bertempat di Dewan Seminar, Hotel De Cassia.

Objektif kursus adalah memberi pendedahan berkenaan pengurusan imej dan keterampilan diri yang lebih rapi, selari dengan norma dan kod etika pemakaian penjawat awam bagi meningkatkan keyakinan diri dan menonjolkan kewibawaan serta identiti tersendiri.

Kursus ini telah disampaikan secara santai oleh perunding imej iaitu En. Hafiz Mustafa, Pengasas *CuteCarry*. Pelbagai tips dan perkongsian yang diberikan kepada semua peserta supaya kekal bermotivasi dan berkeyakinan.



Majlis Daerah Kampar merakamkan setinggi terima kasih kepada penceramah dan peserta yang memberikan komitmen tinggi dan menghiburkan sepanjang kursus berlangsung. Semoga peserta tampil bergaya dan bersikap professional dalam kerjaya dan kehidupan.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

### KURSUS

MESYUARAT KICK OFF DAN BENGKEL PERTAMA PELAKSANAAN LESEN DIGITAL MYPATIL DI MD KAMPAR



# MESYUARAT KICK OFF DAN BENGKEL PERTAMA PELAKSANAAN LESEN DIGITAL MYPATIL DI MD KAMPAR

**21-22 November 2023**  
**Majlis Daerah Kampar**

**M**ajlis Daerah Kampar (MDKpr) menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

ke-12 di Negeri Perak yang telah melaksanakan lesen digital (myPATIL).

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Puan Siti Azura binti Haji Juki, Setiausaha MDKpr mewakili Tuan YDP MDKpr dan turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan, bahagian dan unit dari setiap jabatan di MDKpr.

Seterusnya, bengkel pertama pelaksanaan pendigitalan lesen perniagaan dijalankan melibatkan pasukan pelaksana projek dan wakil dari jabatan MDKpr yang terlibat.



Lesen digital (myPATIL) akan membantu pihak PBT melicinkan pemantauan premis perniagaan di lapangan, menggantikan lesen bercetak, meningkatkan kecekapan PBT dan memberi kesan positif kepada pelesen untuk mempromosikan produk perniagaan.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KURSUS

PROGRAM SOKONGAN KESELAMATAN PERJALANAN (CSSP)



# PROGRAM SOKONGAN KESELAMATAN PERJALANAN (CSSP)

28-29 November 2023

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah bekerjasama dengan pihak PERKESO dan MIROS bagi menjayakan Program Sokongan Keselamatan Perjalanan atau *Commuting Safety Support Program - CSSP*.

Ia merupakan program kolaborasi strategik antara PERKESO dan MIROS bagi menyediakan latihan dan sokongan kepada majikan dalam melaksanakan pengurusan perjalanan yang baik.

Peranan MIROS adalah untuk mengurus dan mengendalikan program ini secara keseluruhannya menggunakan dana yang diperoleh daripada PERKESO. MDKpr telah terpilih bagi menyertai Program CSSP bagi tahun 2023. Para peserta CSSP terdiri dari mangsa kemalangan motosikal dan yang menunggang motosikal ke tempat kerja.

Sepanjang program ini, peserta telah didedahkan dengan taklimat keselamatan menunggang motosikal, peralatan PPE dan amali di atas jalanraya. Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Sharifah Liew, Cik Noor Kamaliah Alias, En. Badaru Hisham bin Abu Bakar dan En. Ahmad Khusyairi bin Mohd Yunus dari MIROS







## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr

KURSUS

BENGKEL SEMAKAN DOKUMEN PENILAIAN RISIKO BAHAYA ( HIRARC )



# BENGKEL SEMAKAN DOKUMEN PENILAIAN RISIKO BAHAYA ( HIRARC )

30 November 2023, Khamis

**M**ajlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menjalankan Bengkel Semakan Dokumen Penilaian Risiko dan Bahaya (HIRARC) bagi tahun 2023.

Seramai hampir 25 orang wakil dari setiap jabatan dan bahagian di MDKpr telah menghadiri bengkel ini yang disampaikan oleh Encik Lee Thean Seng dari Syarikat SQC Management Sdn. Bhd.

Para peserta bengkel telah diberikan taklimat mengenai Penilaian Risiko dan Bahaya terhadap aktiviti kerja di setiap jabatan.





# LOGO INISIATIF KEJIRANAN KAMPAR MAJLIS DAERAH KAMPAR

## SIMBOLIK KEPADA WARNA

-  BERINGAT
-  BERSATU
-  PEKA / KETUA
-  SUBUR
-  BIJAK
-  SEMANGAT
-  BERSIH

## VISUAL LOGO

-  BOTOL MINERAL
-  TIN SUSU
-  (SPROCKET) GEGANCU BASIKAL



### LOGO - INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MDKpr

Cetusan idea yang diekstrak dengan menggunakan teknik "Gesture Drawing" daripada gabungan sebatang pokok beserta barangan yang biasa dibuang dari "ditar semula". Ditambah dengan kesinambungan warna-warna korporat lebih berjaya munculkan SEBUAH LOGO yang mempamerkan KEMATANGAN dan sifat KETERBUKAAN MDKpr.

Bersifat Keveluargaan - Batang pokok ilirah KETUA yang berdiri teguh dan akar-akar yang pelbagai saiz memasak ke bumi ilirah kumpulan KAKITANGAN yang bekerjasama menyokong batang pokok untuk berdiri teguh.

### KENAPA POKOK MENJADI ILHAM LOGO KITAR SEMULA ?

Watak POKOK itu sendiri bersifat kitar semula bermula proses tumbuh-tumbuhan sehingga ke mati. Konsep inilah yang disarapkan ke dalam LOGO KITAR SEMULA MDKpr. Barangan yang terpakai dikitar akan menjadi berguna dan memberi manfaat kepada kehidupan.

WARNA-WARNA KORPORAT MDKpr digarap dan diadun bersama-sama LOGO KITAR SEMULA MDKpr serta dimantapkan dengan terjemahan / simbolik bagi setiap warna.

### SIMBOLIK KEPADA POKOK

Sebatang pokok - Menghiau (tanda kehidupan sesuatu lempai) teguh, kukuh berdiri dengan akar-akar yang memasak laun. Melindungi bagi sebuah payung yang memberi perlindungan kepada kehidupan. Bermula dari proses tumbuh-tumbuhan, berkecambah, berdaun, berbuah, berbunga, kembali ke sebatang kayu yang mereput dan menjadi baja.




3 akar besar berbentuk kaki  
Perpaduan yang kukuh hingga ke akar umbi. Tetap berdiri teguh walau digoncang. Sekiranya hanya ada 1 atau 2 kaki, ianya pasti lebih mudah bergoncang.

Kaki pelbagai arah  
Sentiasa bergerak menyahut wawasan.

### Tapak berwarna UNGU

Terhasil daripada campuran warna Biru dan Merah melambungkan gabungan idea yang mantap mampu menghasilkan sesuatu di luar kotak fikir dan berjaya mencipta kejayaan yang luarbiasa. Kedudukan tapak dan bawah membawa makna "Kejayaan bermula dan bawah" walau sudah berdiri teguh ia sentiasa berpijak di bumi nyata. (Sentiasa merendah diri)



Lingkungan Bahaya Kesan Buruk Jika Tidak Dijaga atau Dihiraukan

Kuning Masyarakat Peka

Muafakat Jaga Kebersihan

## MAJLIS DAERAH KAMPAR

Unit Perhubungan Korporat & Pelancongan  
Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar  
Jalan Iskandar, 31900 Kampar  
Perak Darul Ridzuan

Tel: 05-467 1020 / Faks: 05 - 4671040

www.mdkampar.gov.my